

Newspaper	Berita Harian
Date	18 November 2015

Beijing puji pendekatan KL

» Guna saluran diplomasi tangani isu Laut China Selatan

Saidon Idris

saidon@bh.com.my

Manila



China memuji pendekatan Malaysia dalam menangani isu Laut China Selatan. Ini dinyatakan Presiden China, Xi Jin Ping semasa mesyuarat dua halanya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di sini semalam.

Mesyuarat itu yang diminta oleh China diadakan menjelang Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Ke-23 yang akan bermula hari ini.

Pada sidang media selepas pertemuan itu, Perdana Menteri berkata, walaupun isu Laut China Selatan adalah kompleks, pendekatan yang digunakan Malaysia mendapat penghargaan Jin Ping.

"Beliau suka dengan pendekatan Malaysia yang tidak berkonfrontasi, sebaliknya menggunakan saluran diplomasi untuk mencari penyelesaian," katanya.

Dalam pertemuan itu, Najib menyatakan harapan Malaysia semua pihak tidak meningkatkan ketegangan di kawasan berkenaan, sebaliknya memastikan ia terus aman kerana keamanan penting untuk kemajuan rantau ini.

Katanya, hubungan Amerika Syarikat (AS) dan China adalah penentu sama ada Laut China Selatan terus menjadi kawasan selamat dan stabil.

Dalam pertemuan kira-kira 45 minit itu, Jin Ping turut menyatakan hubungan China dengan Malaysia ketika ini berada pada tahap terbaik dalam sejarah.

Utama hubungan strategik

"Beliau menyatakan Kerajaan China akan memberikan ketumpukan tinggi kepada hubungan negara itu dengan Malaysia, dan akan terus menyokong usaha memperkasakan hubungan strategik antara kedua-dua negara," katanya.

Najib berkata, Jin Ping telah memberikan penjelasan mengenai reformasi ekonomi kerajaan China, antaranya has-

rat negara itu untuk mengandakan saiz ekonomi dan pendapatan perkapitanya menjelang 2020 berbanding yang dicatatkan pada 2010.

"Walaupun China mengalami kadar pertumbuhan lebih perlahan, beliau yakin negara itu mampu mencapai pertumbuhan kira-kira tujuh peratus tahun ini," katanya.

Perdana Menteri menegaskan berikutan China melakukan perubahan kepada struktur ekonominya, kini terpujalang kepada perniagaan Malaysia untuk melakukan strategi bagi mengambil peluang ekonomi negara itu.

"Salah satu yang saya sebutkan dalam mesyuarat dengan Jin Ping ialah potensi untuk menggunakan mata wang tempatan dalam perdagangan kedua-dua negara," katanya.

Jin Ping turut menyatakan penghargaan terhadap kepimpinan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN dan China mahu melihat peluang daripada Komuniti Ekonomi ASEAN.

Najib berkata, China juga menunjukkan minat untuk menyertai proses pembidaan projek kereta api laju Kuala Lumpur-Singapura dan berharap projek Kuantan Industrial Park dapat dilaksanakan.

"Beliau juga percaya kesan

daripada tragedi MH370 sudah berlalu dan lebih ramai pelancong China dijangka melawat Malaysia," katanya.

Selepas bertemu Jin Ping, Perdana Menteri yang tiba di ibu kota Filipina ini, petang semalam turut mengadakan perbincangan meja bulat dengan wakil Majlis Perniagaan AS-ASEAN dan Dewan Perdagangan AS.

Najib berkata, dalam perbincangan yang dihadiri pemimpin 20 syarikat terkemuka AS itu, mereka menyokong keputusan Malaysia menyertai Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

"Mereka yakin TPP akan menjadikan Malaysia dan negara anggota lain TPP lebih berdaya saing.

"Mereka juga mengalukan alukan beberapa negara ASEAN lain yang telah menunjukkan minat yang serius untuk menyertai TPP," katanya.

Beliau berkata, syarikat AS juga menyatakan puas hati dengan pengalaman mereka di Malaysia dari segi dasar mesra perniagaan kerajaan dan prospek pulangan di negara ini.

Antara pemimpin syarikat AS yang hadir pada mesyuarat itu, ialah dari JP Morgan, General Electric, Moody's Corporation, FedEx Express, Chevron dan Adelphi Capital.

BH-18/11/2015